



14 April 2016
14 April 2016
P.U. (A) 99

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (FI DAN CAJ) 2016

CIVIL AVIATION (FEES AND CHARGES) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (FI DAN CAJ) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(n) dan (o) Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2016.

Fi dan caj

2. Fi dan caj yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah kena dibayar kepada Jabatan Penerbangan Awam—

(a) berhubung dengan apa-apa perakuan, lesen, permit, kelulusan, kebenaran, keizinan atau dokumen yang dikeluarkan atau diberikan di bawah mana-mana peruntukan Akta atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta; dan

(b) berhubung dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Penerbangan Awam.

Pembayaran fi dan caj

3. Fi dan caj yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah, melainkan jika suatu perkiraan dibuat selainnya dengan Ketua Pengarah, kena dibayar sepenuhnya—

(a) sebelum perakuan, lesen, permit, kelulusan, kebenaran, keizinan atau dokumen itu dikeluarkan atau diberikan, atau sebelum perkhidmatan diberikan, kecuali bagi fi dan caj yang tidak boleh dikira lebih awal; atau

(b) apabila dituntut atau pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

JADUAL
FI DAN CAJ

(1) BIL.	(2) HAL PERKARA	(3) PERIHALAN	(4) FI DAN CAJ (RM)
1.	Permohonan bagi perakuan pendaftaran	(a) Kapal udara selain belon dengan jisim pelepasan maksimum yang diperakukan— (i) 0-750 kilogram (ii) 751-5,700 kilogram (iii) 5,701 kilogram atau lebih (b) Belon	400 600 4,000 100
2.	Permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran	(a) Kapal udara selain belon dengan jisim pelepasan maksimum yang diperakukan— (i) 0-750 kilogram (ii) 751-5,700 kilogram (iii) 5,701 kilogram atau lebih (b) Belon	50 50 50 50
3.	Permohonan bagi tempahan tanda pendaftaran	Apa-apa kapal udara	2,500
4.	Permohonan bagi pembatalan pendaftaran kapal	(a) Kapal udara selain belon dengan jisim pelepasan maksimum yang	

<i>(1)</i> <i>BIL.</i>	<i>(2)</i> <i>HAL PERKARA</i>	<i>(3)</i> <i>PERIHALAN</i>	<i>(4)</i> <i>FI DAN CAJ (RM)</i>
	udara yang didaftarkan di Malaysia	diperakukan— (i) 0-750 kilogram (ii) 751-5,700 kilogram (iii) 5,701 kilogram atau lebih (b) Belon	 50 150 300 50
5.	Permohonan bagi perubahan dalam Daftar Kapal Udara	Apa-apa kapal udara	100
6.	Permohonan bagi carian maklumat dalam Daftar Kapal Udara	Apa-apa kapal udara	50 (setiap kapal udara)
7.	Permohonan bagi kemasukan gadai janji dalam Daftar Kapal Udara	Apa-apa kapal udara	2,000
8.	Permohonan bagi pindaan kepada catatan gadai janji dalam Daftar Kapal Udara	Apa-apa kapal udara	50
9.	Permohonan bagi memotong catatan gadai janji dalam Daftar Kapal Udara	Apa-apa kapal udara	200
10.	Permohonan bagi perakuan kelulusan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik	(a) Setiap permohonan bagi satu perkelasan dan satu lokasi (b) Setiap perkelasan atau kategori tambahan (c) Setiap lokasi tambahan	3,000 1,500 1,500

<i>(1)</i> <i>BIL.</i>	<i>(2)</i> <i>HAL PERKARA</i>	<i>(3)</i> <i>PERIHALAN</i>	<i>(4)</i> <i>FI DAN CAJ (RM)</i>
11.	Permohonan bagi pembaharuan perakuan kelulusan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik	<i>(a)</i> Setiap permohonan bagi satu perkelasan dan satu lokasi <i>(b)</i> Setiap perkelasan atau kategori tambahan <i>(c)</i> Setiap lokasi tambahan	1,000 500 500
12.	Permohonan bagi pengubahan perakuan kelulusan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik	<i>(a)</i> Setiap perkelasan atau kategori tambahan <i>(b)</i> Setiap lokasi tambahan	1,500 1,500
13.	Permohonan bagi perakuan pengesahan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik	Bagi tiap-tiap permohonan	2,500
14.	Permohonan bagi Perakuan Jenis	<i>(a)</i> Kapal udara dengan jisim pelepasan maksimum yang diperakukan— (i) 0-750 kilogram (ii) 751-2,000 kilogram (iii) 2,001-5,700 kilogram (iv) 5,701 kilogram atau lebih <i>(b)</i> Apa-apa enjin <i>(c)</i> Apa-apa bebaling	 10,000 30,000 100,000 200,000 Tidak melebihi 200,000 Tidak melebihi 200,000